

**TEKS UCAPAN
YB TUAN LOKE SIEW FOOK
MENTERI PENGANGKUTAN MALAYSIA**

**BERSEMPENA
MAJLIS PELUNCURAN
PELUANG PEKERJAAN DAN PENYERAHAN SURAT
TAWARAN PLKI-ECRL BAGI FASA PENGOPERASIAN DAN
PENYELENGGARAAN (O&M) ECRL**

**DI
SAPPHIRE ROOM
MANDARIN ORIENTAL, KUALA LUMPUR**

6 MEI 2025 (SELASA) | 2:00 PETANG

Terima kasih diucapkan kepada pengacara majlis.

Salam Sejahtera dan Salam Malaysia MADANI.

1. Terlebih dahulu, saya bagi pihak Kementerian Pengangkutan (MOT) ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Dato' Seri Anwar bin Ibrahim kerana sudi meluangkan masa untuk bersama-sama kami dalam '**Majlis Peluncuran Peluang Pekerjaan dan Penyerahan Surat Tawaran PLKI-ECRL Bagi Fasa Pengoperasian dan Penyelenggaraan (O&M) ECRL**'.
2. Seperti yang kita semua sedia maklum, Projek Laluan Rel Pantai Timur (ECRL) yang bernilai RM50.27 bilion adalah projek infrastruktur strategik terbesar negara pada masa ini. Ia bukan sekadar satu rangkaian rel baharu yang bakal menghubungkan Pantai Timur dengan Pantai Barat, malah ia adalah pemangkin kepada keseimbangan pertumbuhan ekonomi wilayah, pembangunan modal insan, serta integrasi sosial rakyat Malaysia.
3. Kerajaan Malaysia dan Kerajaan Republik Rakyat China telah mencapai kata sepakat untuk mewujudkan sebuah syarikat operasi atau *operating company* (OpCo) ECRL dengan nisbah kepentingan 50:50 bagi tujuan pengoperasian dan penyelenggaraan infrastruktur rel nasional ini yang bermula

pada Januari 2027 kelak. Justeru, pada Disember 2024, Malaysia Rail Link Sdn Bhd (MRL), selaku pemilik Projek ECRL, dan syarikat China Communications Construction Company Ltd (CCCC), telah menandatangani perjanjian usahasama tersebut.

4. Bagi tujuan ini, sukacita dimaklumkan bahawa syarikat operasi ini telah secara rasmi ditubuhkan dan didaftarkan di bawah Suruhanjaya Syarikat Malaysia sebagai **ECRL Operation Sdn Bhd**.
5. Penubuhan **ECRL Operation Sdn Bhd** adalah sejajar dengan hasrat Kerajaan Malaysia dalam memperkasa sektor rel negara untuk memperbanyakkan perkhidmatan kereta api serta membuka peluang pekerjaan bagi golongan belia khususnya berkaitan bidang kejuruteraan rel. Malaysia amat memerlukan pakar-pakar tempatan terutamanya dalam bidang kejuruteraan dan penyelenggaraan rel, memandangkan perkhidmatan rel adalah kunci kepada perkembangan bandaraya dan bandar-bandar utama di sesebuah negara.
6. Dengan jangkaan operasi bermula tidak lama lagi, fasa O&M menjadi fasa yang sangat kritikal. Kita perlu memastikan projek ini dioperasikan oleh tenaga kerja tempatan yang bukan sahaja berkemahiran tinggi, tetapi juga memahami operasi rel moden.

7. Pihak MOT yang mengawal selia Projek ECRL difahamkan bahawa seramai kira-kira 1,800 tenaga kerja diperlukan apabila fasa pengoperasian ECRL bermula pada Januari 2027. Pihak MRL telah menetapkan agar sekurang-kurangnya 80 peratus tenaga kerja ini terdiri daripada warga tempatan. Tenaga kerja ini akan terdiri daripada pelbagai tahap kepakaran, meliputi pekerja berpengalaman dan pekerja baharu, bagi memastikan operasi ECRL dapat dijalankan dengan cekap dan berkesan.
8. Lanjutan daripada itu, hari ini kita mencatat satu lagi pencapaian penting apabila fasa O&M akan diperkasakan dengan bakat-bakat baharu tempatan melalui Program Latihan Kemahiran Industri ECRL (PLKI-ECRL). Program ini adalah inisiatif MRL bersama CCCC yang bertujuan untuk melatih serta menyediakan peluang pekerjaan kepada komuniti tempatan bermula sejak tahun 2017 lagi. Melalui program ini, anak-anak tempatan diberi peluang untuk menjadi sebahagian daripada tenaga kerja ECRL, bukan sahaja dalam fasa pembinaan, malah dalam fasa O&M juga.
9. Bermula dari fasa pembinaan, PLKI-ECRL kini melangkah ke hadapan dengan memberi fokus dalam mempersiapkan fasa O&M. Program ini menyasarkan untuk memberi manfaat latihan dan peluang pekerjaan kepada seramai 3,200 pelatih secara keseluruhan bagi fasa O&M. Sebagai permulaan, pada tahun ini, seramai 210 pelatih dari Malaysia, yang datang daripada

pelbagai latar belakang akan dihantar ke Liuzhou, China bagi menjalani latihan intensif selama setahun.

10. Kumpulan pertama terdiri daripada 102 orang, dijadualkan akan berlepas ke China secara berperingkat bermula pada 15 Mei 2025 ini bagi memulakan latihan. Para pelatih yang terdiri daripada bidang teknikal dan bukan teknikal ini, akan mengikuti latihan komprehensif yang merangkumi teori, amali, serta pengalaman sebenar dalam operasi sistem rel. Latihan ini bertujuan untuk melahirkan tenaga kerja mahir untuk jawatan seperti *Assistant Station Attendant, Signaling Technician, Assistant Train Driver, Overhead Line Technician* dan juga *E-Loco & Electric Multiple Unit (EMU) Maintenance Technician*.
11. Lebih menggembirakan, para pelatih dalam program ini dijamin peluang pekerjaan bersama ECRL sebaik sahaja tamat latihan. Untuk maklumat lanjut mengenai peluang pekerjaan yang akan ditawarkan oleh ECRL, bolehlah melayari laman web ecrl.com.my.

Tuan-tuan dan puan-puan,

12. Pembangunan infrastruktur fizikal perlu dilaksanakan seiring dengan pembangunan modal insan. Justeru, usaha membangunkan keupayaan dan kompetensi anak-anak tempatan menjadi keutamaan agar Malaysia tidak perlu

bergantung kepada kepakaran luar negara untuk jangka masa panjang. Bagi menjayakan program ini, PLKI-ECRL O&M telah menerima komitmen tajaan sebanyak RM12 juta daripada CCCC bagi menampung kos pelaksanaan program.

13. Pembinaan ECRL sepanjang 665 kilometer kini selari dengan jadual penyiapan jajaran fasa pertama dari Kota Bharu ke Terminal Bersepadu Gombak pada Disember 2026, dan jajaran fasa kedua antara Gombak dan Pelabuhan Klang menjelang Disember 2027.
14. Untuk makluman, pembinaan Projek ECRL yang merentasi empat negeri iaitu Kelantan, Terengganu, Pahang dan Selangor telah mencapai kemajuan keseluruhan sebanyak 82.45 peratus sehingga April 2025.
15. Kerja-kerja pemasangan landasan yang merupakan komponen utama bagi Projek ECRL telah berjaya disempurnakan sepanjang 400 kilometer meliputi landasan jajaran utama dari Maran, Pahang ke Kota Bharu, Kelantan, di mana ianya telah siap dua bulan setengah lebih awal dari jadual. Sehubungan dengan itu, pemasangan landasan sepanjang 100 kilometer dari Maran menghala ke Bentong akan bermula pada bulan ini dan dijangka siap pada akhir bulan Jun 2025.

16. Di samping itu, kerja-kerja pembinaan sistem elektrifikasi juga telah mula dilaksanakan sejak bulan Mei 2024 dan akan disusuli dengan pemasangan sistem semboyan, telekomunikasi dan informasi bagi pengoperasian ECRL. Saya difahamkan sebanyak lebih 9,000 tiang *Overhead Catenary System (OCS)* bagi tujuan aliran elektrik telah berjaya dipasang di sepanjang jajaran ECRL dan hanya berbaki lebih kurang 2,700 sahaja lagi untuk dipasang.
17. Projek ECRL telah menetapkan pembinaan sebanyak 41 buah terowong dengan jumlah panjang kira-kira 69 kilometer di sepanjang jajarannya bagi mengelak gangguan kepada hidupan liar dan mengurangkan penebangan hutan simpan. Justeru, kerja-kerja pengorekan terowong telah berjaya mencapai penembusan di sebanyak 38 buah terowong sehingga kini, manakala baki tiga terowong lagi, termasuk Terowong Berkembar Genting sepanjang 16.39 kilometer dijangka dapat ditembusi pada suku ketiga tahun ini.
18. Pembinaan stesen-stesen ECRL pula berada di tahap yang memuaskan dan dijangka akan siap sepenuhnya pada suku kedua tahun 2026 bagi mempersiapkan fasa pengoperasian infrastruktur nasional ini.

Tuan-tuan dan puan-puan,

19. Sebanyak 11 set tren EMU enam-gerabak buatan syarikat CRRC Dalian telah diperuntukkan bagi pengoperasian ECRL, di mana set yang pertama dijangka tiba di Malaysia menjelang akhir tahun ini. Tren EMU ini akan bergerak pada kelajuan maksimum 160-kilometer sejam (km/j) apabila memulakan operasi komersialnya kelak iaitu pada Januari 2027 dari Kota Bharu ke Terminal Bersepadu Gombak dengan masa perjalanan selama empat jam sahaja. Pada masa yang sama, Projek ECRL telah memperuntukkan sebanyak 12 set E-Loco dari CRRC Dalian bagi tujuan pengangkutan kargo, di mana set yang pertama juga akan tiba di Malaysia menjelang akhir tahun ini.
20. MOT optimis bahawa ECRL, sebagai projek infrastruktur negara, dapat memacu peralihan pergerakan kargo dari jalan darat ke rel yang merupakan mod pengangkutan alternatif yang selamat untuk jarak jauh serta mesra alam dan kos efektif. Ini sejajar dengan dasar baharu Kementerian Pengangkutan untuk membantu mengurangkan kesesakan jalan raya dan kebimbangan berkaitan alam sekitar seperti mengurangkan jejak karbon apabila ia beroperasi.
21. Untuk makluman, *testing and commissioning* bagi Projek ECRL dijadualkan bermula pada Jun 2026, bagi memenuhi garis panduan yang ditetapkan bagi menjamin keselamatan penumpang dan memastikan kelangsungan operasi apabila

perkhidmatan ECRL mula beroperasi pada Januari 2027 kelak.

22. Saya yakin dengan perkembangan yang memberangsangkan ini, ramai pihak teruja dan tidak sabar untuk menaiki ECRL dalam tempoh kurang dari dua tahun lagi. Justeru, MOT akan terus berusaha serta mengadakan perbincangan dengan pihak berkepentingan Projek ECRL agar struktur tambang tiket penumpang yang ditetapkan pada masa akan datang adalah berpatutan dan mampu untuk dinikmati oleh semua lapisan masyarakat.

Tuan-tuan dan puan-puan,

23. Sebelum mengakhiri ucapan, saya juga ingin merakamkan ribuan terima kasih kepada semua Kementerian, Agensi dan Jabatan Kerajaan, Kerajaan Negeri, pihak berkuasa tempatan di sepanjang jajaran ECRL serta institusi pendidikan tinggi yang terlibat atas segala usahasama dan sokongan yang diberikan sepanjang masa dalam membangunkan projek berimpak tinggi ini.
24. Ucapan terima kasih dan syabas juga ditujukan kepada MRL dan CCCC, selaku penganjur dalam menjayakan majlis yang penuh makna pada hari ini.

25. Semoga para pelatih akan memperoleh manfaat yang besar daripada program ini and seterusnya melakar masa depan yang lebih cerah. Selamat maju jaya!

Sekian, terima kasih.

-Tamat-